



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

Tel: +603-2083 4000
Faks: +603-2083 4100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Ruj: SKM.IP.(UU): 532/51/1Jld 16 (33)
Tarikh: 31 Mei 2021

**KOPERASI BERDAFTAR
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
(MENJALANKAN AKTIVITI AR-RAHNU DAN AKTIVITI KREDIT)**

YBhg.Dato'/Datin/Tuan/Puan

**KEBENARAN PREMIS COOPBANK, KOPERASI AR-RAHNU DAN
AKTIVITI KREDIT KOPERASI BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 FASA PERTAMA DAN
FASA BERIKUTNYA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Mei 2021 telah memutuskan untuk melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun "**total lockdown**" Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula **1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021**. Sepanjang tempoh ini, **SEMUA** sektor **TIDAK DIBENARKAN** untuk beroperasi **KECUALI** sektor ekonomi dan perkhidmatan yang perlu yang akan disenaraikan oleh MKN.

3. Dalam tempoh pelaksanaan PKP 3.0 ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menerima banyak pertanyaan daripada orang awam mengenai keperluan perkhidmatan Ar-Rahnu dan Coopbank/koperasi kredit untuk beroperasi dan meneruskan kelangsungan hidup anggota-anggotanya dalam menangani pandemik COVID -19 semasa "**total lockdown**" bagi tempoh PKP 3.0 Fasa Pertama ini dan fasa berikutnya.

4. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya **bersetuju dan membenarkan** Coopbank dan semua koperasi dalam perkhidmatan Ar-Rahnu dan Kredit beroperasi selama 7 hari dalam seminggu dan tempoh masa operasi adalah dihadkan kepada 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Manakala kapasiti kehadiran pekerja termasuk operasi dan pengurusan adalah terhad kepada 60% sahaja.

5. Untuk memastikan keselamatan pelanggan dan kakitangan daripada penularan wabak COVID-19, Coopbank dan koperasi Ar-Rahnu dan kredit hendaklah **mematuhi segala Arahan dan Peraturan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)** termasuklah menyediakan pengimbas suhu, QR Code MySejahtera, mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter semasa berurus, memakai topeng muka (*3-ply face mask*) untuk masuk ke premis, menyediakan *hand sanitizer* kepada orang awam yang berurus dan melakukan proses nyahkuman sekurang-kurangnya 3 kali sehari di dalam premis (*disinfection*).

6. Suruhanjaya juga menyeru semua pihak yang terlibat supaya sentiasa mematuhi arahan Kerajaan dan sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya terhadap setiap arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI IBRAHIM BIN KASAH)

Pengarah Penyeliaan dan Tadbir Urus
b.p. Pengurus Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

- s.k. 1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
Bhg. Pemeriksaan dan Pemantauan Keusahawanan
2. Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia
3. Naib Pengerusi Eksekutif (Dasar dan Pembangunan)
4. Naib Pengerusi Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)
5. Pengarah - Pengarah Bahagian
6. Pengarah – Pengarah SKM Cawangan Negeri